

FUNGSI TABIK DALAM PEMBANGUNAN KOMUNITI: KAJIAN KES KUMPULAN SUARA BULUH PERINDU KUNDASANG

THE FUNCTION OF TABIK IN COMMUNITY DEVELOPMENT: CASE STUDY ON KUMPULAN SUARA BULUH PERINDU KUNDASANG

Jurry Foo^{1*}
Trixie Marjorie Tangit²
Dzurizah Ibrahim³
Jalihah Md Shah⁴

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mel: jurryfm@ums.edu.my)

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mel: trixie.tangit@ums.edu.my)

³Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mel: idzuri@ums.edu.my)

⁴Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mel: jalihah@ums.edu.my)

*Corresponding Author

Article history

Received date : 01-07-2021
Revised date : 16-08-2021
Accepted date : 30-09-2021
Published date : 31-10-2021

To cite this document:

Foo, J., Tangit, T. M., Ibrahim, D., & Shah, J. M. (2021). Fungsi Tabik Dalam Pembangunan Komuniti: Kajian Kes Kumpulan Suara Buluh Perindu Kundasang. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(40), 153 - 163.

Abstrak: Pembangunan komuniti dalam mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goal- SDG) menjelang tahun 2030 menekankan kepada pemeraksanaan komuniti dalam mengoptimumkan sumber agar dapat dimanfaatkan untuk mencapai kehidupan lebih baik. Bagi memahami senario ini, kajian penerokaan telah dilakukan dalam kalangan komuniti Suara Buluh Perindu Kundasang yang berjaya membangunkan Taman Budaya dan Inovasi Kundasang (TABIK) sebagai ruang yang bermanfaat kepada pembangunan komuniti. Data berkaitan usaha komuniti dan fungsi TABIK telah dikumpul melalui pemerhatian ikut serta dan temubual mendalam terhadap informan yang terlibat secara langsung dalam pembangunan TABIK. Kajian mendapati bahawa TABIK penting dalam pengukuhan dan kelangsungan warisan budaya dan alam sekitar, memperkasakan modal insan, menjadi sumber pembangunan ekonomi dan menjadi tunjang pembangunan komuniti yang lestari.

Kata Kunci: Pembangunan komuniti, pemeraksanaan komuniti, penyertaan komuniti, mengoptimumkan sumber

Abstract: *Community development in achieving the Sustainable Development Goal (SDG) by 2030 emphasizes on community empowerment in optimizing and utilizing resources to achieve a better life. To understand this scenario, an exploratory study was conducted among the Suara Buluh Perindu Kundasang community who successfully developed the Kundasang Cultural and Innovation Park (TABIK) as a space that is beneficial to the community development. Data related to community efforts and the function of TABIK were collected through participatory observations and in-depth interviews with informants who were directly involved in developing TABIK. The study found that TABIK is important in strengthening and sustaining cultural heritage and environment, empowering human capital, being a source of economic development and being the backbone of sustainable community development.*

Keywords: *Community development, community empowerment, community participation, resource optimization*

Pengenalan

Taman Budaya dan Inovasi Kundasang (TABIK) adalah sebuah pusat pemuliharaan warisan budaya dan alam sekitar yang diinisiatkan oleh komuniti Suara Buluh Perindu Kundasang Sabah dengan bimbingan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Ini adalah satu inisiatif komuniti yang dilakukan atas keyakinan terhadap output daripada pemuliharaan warisan budaya dan alam sekitar sebagai satu langkah yang dapat menyumbang kepada pembangunan komuniti secara menyeluruh melalui pewujudan fungsi TABIK sebagai ruang yang dapat dimanfaatkan dalam pengukuhan dan kelangsungan warisan budaya dan alam sekitar, pemerksaan modal insan serta menjadi sumber peluang ekonomi dan sosial seterusnya menjadi tunjang kepada pembangunan komuniti yang lestari.

Pembangunan komuniti menjadi agenda penting dalam Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goal- SDG) yang diperkenalkan di Persidangan *United Nations Conference on Sustainable Development* di Rio de Janeiro pada tahun 2012 untuk mencapai 17 matlamat ke arah masa depan yang lebih baik dan lestari secara global di mana antaranya adalah usaha menangani kemiskinan, ketidaksamaan, perubahan iklim, kemerosotan alam sekitar serta keamanan dan keadilan. Kesemua matlamat yang saling berkaitan tersebut bertujuan untuk memastikan tiada mana-mana pihakpun yang ketinggalan dalam pembangunan menjelang tahun 2030.

Pemerksaan keupayaan komuniti dalam mengoptimumkan sumber menjadi satu daripada strategi dalam mencapai pembangunan komuniti secara lestari. Malah dalam era di mana SDG menjadi tonggak pembangunan sejagat, pemerksaan komuniti melalui penglibatan mereka dalam menguruskan ruang adalah kunci kepada penghidupan sejahtera. Oleh yang demikian kertas kerja ini membincangkan fungsi TABIK yang dikendalikan oleh komuniti Suara Buluh Perindu Kundasang dari segi penglibatan komuniti membangunkan TABIK dan fungsi TABIK kepada komuniti dan alam sekitar.

Tinjauan literatur

Kata kunci bagi pembangunan ialah ‘perubahan positif’. Perkataan perubahan sahaja tidak cukup untuk mendefinisikan pembangunan kerana bukan semua perubahan menjurus kepada pembangunan, tetapi sebaliknya (Paul 2000; Yahya Ibrahim, 2008). Perkataan lain yang

sentiasa disama ertikan dengan makna pembangunan ialah kemajuan, pertumbuhan dan perkembangan. Ini kerana senario pembangunan sering dikaitkan dengan situasi berkaitan pencapaian dan peningkatan. Oleh itu pembangunan komuniti juga sering disebut sebagai perkembangan komuniti atau kemajuan komuniti. Pembangunan komuniti amat penting untuk mencapai matlamat pembangunan lestari. Pembangunan komuniti melibatkan usaha yang bersungguh-sungguh daripada semua pihak terutama masyarakat untuk memperbaiki taraf hidup dan kualiti kehidupan melalui kerjasama dan penggunaan sumber yang ada (Mohammad Shatar, 2003). Bagi mencapai tujuan tersebut penglibatan komuniti dalam proses pembangunan adalah strategi yang terbaik kerana dalam konsep pengurusan sumber dan ruang pada masa kini memerlukan campur tangan semua pihak yang berkepentingan terhadap sesuatu sumber adalah diperlukan agar tiada pihak yang tertinggal dalam pembangunan.

Konsep Pembangunan Komuniti

Takrifan yang tepat untuk menjelaskan tentang pembangunan komuniti bergantung kepada lokasi dan budaya sesebuah masyarakat, malah tidak ada istilah '*one size fits all*' kerana aspek perbezaan tersebut, oleh itu ia mempunyai definisi yang pelbagai dan konsep yang luas (Mohammad Shatar, 2003; Abdul Ghafar et al., 2019). Ini disebabkan oleh latar ruang dan masa sesebuah komuniti yang ingin mengubah kehidupan ke arah yang lebih baik dalam aspek tertentu, misalnya sesebuah komuniti pertanian konvensional yang bertukar kepada amalan pertanian moden untuk mencapai pengeluaran hasil pertanian dengan lebih banyak dalam tempoh masa yang singkat atau sebuah komuniti yang ingin beralih daripada industri penternakan kepada industri pelancongan bagi memberikan peluang kepada penduduk memperolehi lebih banyak peluang dan pilihan pekerjaan. Kedua-dua contoh ini sudah pasti memberikan definisi pembangunan komuniti yang berbeza. Namun dari segi konseptual, pembangunan komuniti mempunyai kriteria yang sepunya iaitu:

- i. Penglibatan komuniti.
- ii. Peningkatan kualiti hidup.

Menurut Mohd Yusof et al. (2011) pula, pembangunan komuniti juga memerlukan peningkatan dari segi komunikasi merangkumi perubahan sikap penggunaan teknologi yang memerlukan Pendidikan. Komunikasi yang dimaksudkan bukan sahaja kemahiran bercakap atau menyampaikan maklumat tetapi penguasaan semua elemen komunikasi termasuk nasihat, berunding, berpakat dan mempengaruhi. Ini penting suara komuniti benar-benar dapat disampaikan dengan bekerman

Penglibatan komuniti

Konsep pembangunan lestari menjadikan penglibatan komuniti sebagai kunci kejayaan dan pemacu usaha mencapai kelestarian (Kalsom & Nor Ashikin, 2006). Ini kerana tanpa penglibatan komuniti maka usaha pembangunan tidak dapat mencapai objektif yang disasarkan (Sharina Abdul Halim, 2014). Penglibatan komuniti memperbaiki kehidupan merujuk kepada usaha meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan serta kualiti hidup komuniti setempat (Ahmad Shukri, 2015; Abdul Ghafar et al., 2019). Peningkatan kualiti hidup antara lainnya berkaitan dengan perjuangan untuk bebas daripada belunggu kemiskinan, penguasaan ekonomi, pembangunan individu melalui pengukusan institusi sosial (Paul, 2000). Usaha tersebut dilakukan dengan merancang sesuatu tindakan yang boleh memberi kebaikan kepada kehidupan dan seterusnya melaksanakan rancangan tersebut secara sistematik. Ini kerana pembangunan komuniti memerlukan proses peningkatan yang terancang (Abdul

Ghafar et al., 2019). Usaha tersebut juga melibatkan tindakan komuniti seperti yang yang disarankan oleh Fischer (1989) iaitu menentukan keperluan, mewujudkan matlamat, memilih objektif, memikirkan cara dan strategi alternatif, melaksanakan tugas dan penilaian dan dokumentasi.

Model proses pembangunan komuniti dari bawah ke atas (Bottom up) sejak tahun 1994 sehingga kini memperkukuhkan kerelevanan penglibatan komuniti dalam pembangunan (Sharina Abdul Halim, 2014; Haris dan Siti, 2007). Proses pembangunan komuniti yang dikemukakan oleh Mohammad Shatar (2003) melibatkan implementasi projek atau program yang di dipilih secara kolektif oleh komuniti untuk dilaksanakan bersama-sama melalui lima peringkat seperti berikut:

- i. Mewujudkan kesedaran umum dalam kalangan masyarakat terlibat
- ii. Analisis sistematik berkaitan masalah yang wujud
- iii. Melatih ketua projek
- iv. Penglibatan masyarakat
- v. Mewujudkan keyakinan dengan kumpulan luar

Peningkatan kualiti hidup

Peningkatan kualiti hidup ialah output atau hasil daripada implementasi proses pembangunan komuniti. Ia boleh dilihat daripada pencapaian komuniti melalui penilaian dan dokumentasi proses pembangunan komuniti. Hasil pembangunan komuniti boleh dilihat dari aspek pembangunan fizikal, pembangunan sosial dan dan pembangunan sahsiah (Mohammad Shatar, 2003).

Kaedah Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan penerokaan (*exploratory*). Maklumat mengenai usaha komuniti dalam proses pembangunan komuniti dan fungsi TABIK dalam membangunkan komuniti diperolehi daripada pemerhatian ikut serta dan temu bual. Pemerhatian ikut serta dilakukan sejak TABIK dibangunkan di mana UMS terlibat dalam semua peringkat proses pembangunan sejak awal tahun 2020 sehingga kini melalui perbincangan dan proses membuat keputusan. Temu bual mendalam dilakukan dalam kalangan komuniti Suara Buluh Perindu yang terlibat secara aktif dalam proses pembangunan TABIK. Maklumat yang dikumpul dari lapangan kemudiannya dianalisis secara deskriptif.

Warisan budaya merujuk kepada warisan budaya ketara dan warisan budaya tidak ketara. Ia juga termasuk warisan tokoh orang hidup dan warisan semulajadi (Mohd Yuszaidi & Muammar, 2015). Asas warisan budaya di Malaysia adalah merangkumi pembagai bentuk falsafah dan lambang budaya (Yuszaidy et al., 2011). Dalam konteks TABIK, warisan ketara adalah instrument alat muzik, pemain muzik dan malah tapak TABIK sendiri serta semua elemen budaya yang boleh dilihat. Manakala warisan tidak ketara adalah kepada nilai budaya yang tidak kelihatan tapi boleh dinikmati oleh deria rasa termasuk alunan, kemerduan dan keunikan muzik bambu.

Komuniti Suara Buluh Perindu ialah kumpulan kugiran muzik berasaskan bambu dari Kundasang, Sabah yang telah melakukan inovasi kepada instrumen muzik, gaya penyampaian pesembahan dan teknik pengendalian muzik bambu sesuai dengan keperluan muzik semasa. Walau bagaimanapun komuniti pejuang muzik tradisi budaya warisan ini masih mengekalkan

asas dan gaya keaslian muzik bambu asal sebagai sebahagian daripada perkhidmatan muzik mereka. Sebagai usaha memulihara budaya warisan tersebut, setiap ahli kugiran ini wajib mempelajari dan menguasai teknik pengendalian atau membuat sekurang-kurangnya satu alat muzik bambu tradisional. Usaha komuniti ini membangunkan TABIK sebagai pusat pemuliharaan budaya warisan dan alam sekitar adalah bertujuan untuk memastikan budaya warisan dan alam sekitar dapat dikekalkan dengan cara memanfaatkan sumber tersebut tanpa mengabaikan keperluan semua pihak yang menghargainya.

Hasil Kajian dan perbincangan

Hasil kajian mendapati bahawa usaha Komuniti Suara Buluh Perindu dalam membangunkan TABIK melibatkan lima peringkat proses pembangunan yang dibincangkan sebelum ini iaitu melibatkan mewujudkan kesedaran umum dalam kalangan masyarakat terlibat mengenai kepentingan pemuliharaan warisan budaya dan alam sekitar, melakukan kajian awal berkaitan masalah yang wujud, melatih ketua projek, melibatkan masyarakat dan mewujudkan keyakinan dengan kumpulan luar. Fungsi TABIK pula ialah menjadi ruang kepada pengukuhan dan kelangsungan warisan budaya dan alam sekitar, pemeraksanaan modal insan serta menjadi sumber peluang ekonomi dan sosial seterusnya menjadi tunjang kepada pembangunan komuniti yang lestari.

Usaha Komuniti Suara Buluh Perindu dalam proses Pembangunan komuniti

Secara umumnya proses pembangunan komuniti melalui TABIK melibatkan perubahan yang besar dalam semua aspek fizikal, sosial dan sahsiah ahli Komuniti Suara Buluh Perindu. TABIK bukan sahaja sebagai ruang fizikal tetapi juga berfungsi sebagai ruang sosial di mana komuniti berinteraksi melibatkan perkongsian dan pemindahan ilmu dan kemahiran mengenai muzik bambu dan aspek kebudayaan yang lain. Penghayatan dan penjiwaan terhadap budaya warisan boleh dipupuk di TABIK. Menghargai alat muzik bambu yang bersumberkan bahan daripada alam sekitar semulajadi sekaligus memberikan kesedaran terhadap kepentingan menjaga habitat semulajadi.

Usaha Komuniti Suara Buluh Perindu mewujudkan kesedaran umum dalam kalangan ahli mengenai kepentingan pemuliharaan warisan budaya dan alam sekitar dilakukan melalui perbincangan berterusan dan lebih kerap secara formal dan tidak formal dengan melibatkan semua ahli tanpa mengira umur. Ahli komuniti perlu diyakinkan dengan cara memberi pemahaman yang cukup mengenai kepentingan dan manfaat menjaga warisan budaya dan alam sekitar. Ini kerana ahli adalah nadi kepada kejayaan TABIK. Komuniti juga melakukan kajian awal berkaitan masalah dan isi berkaitan penubuhan TABIK, dimulai daripada mendapatkan pandangan semua ahli, wakil UMS yang merupakan pembimbing projek TABIK dan beberapa orang wakil pihak berkuasa tempatan dan daripada pihak yang terlibat dengan pemuliharaan warisan budaya serta kumpulan kugiran muzik tradisional dari daerah lain. Penglibatan komuniti penting untuk menentukan matlamat, perancangan dan persediaan menghadapi risiko (Marthelreda et al., 2017). Penglibatan semua ahli penting dan merupakan satu daripada ciri pembangunan komuniti yang lestari iaitu memberi hak kepada semua ahli untuk bersuara. Sebagai usaha mengukuhkan pengurusan TABIK, ketua projek TABIK daripada komuniti diberikan pendedahan dalam menguruskan TABIK secara keseluruhan sebagai pengurus. Ketua projek juga diberikan kepercayaan merancang dan melaksanakan projek berkaitan di TABIK. Kepercayaan perlu diberikan kepada komuniti untuk membangunkan komuniti mereka dengan lebih berkesan (Sharina Abdul Halim, 2014. Ini


juga adalah satu cara melahirkan pemimpin komuniti yang mampu membuat keputusan secara sistematik pada masa akan datang.

TABIK tidak boleh berdiri sendiri dengan hanya dibangunkan dan diuruskan oleh segelintir ahli sahaja. Oleh yang demikian, semua ahli dilibatkan dalam program TABIK, termasuk ahli komuniti yang tidak mendaftar sebagai ahli Suara Buluh Perindu. Antara pihak yang dilibatkan di TABIK adalah Persatuan Pemborong Sayuran dan Peruncit Bumiputera, UMS, Rumah Inap Walai Tokou dan penduduk sekitar Kundasang yang berminat dengan Tembangunan TABIK. Namun komuniti ini melakukan perancangan sendiri, menyusun strategi sendiri dan menentukan hala tuju jangka panjang sendiri (Jurry, 2021).

Hubungan yang baik dengan kumpulan luar daripada Komuniti Suara Buluh Perindu adalah amat penting dalam mewujudkan keyakinan dan hubungan yang baik dengan kumpulan luar. Selain peluang jalinan kerjasama, hubungan dengan pihak luar adalah satu cara untuk memperkukuhkan fungsi TABIK kepada masyarakat secara menyeluruh. Setakat ini, komuniti ini mendapat sokongan promosi daripada Stesen Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) dan UMS dan Borneo Daily Bulletin. Keyakinan terhadap fungsi TABIK juga terbukti apabila ibubapa menghantar anak mereka untuk mempelajari tentang muzik bambu seawal usia tujuh tahun (Jurry et al., 2021).

Fungsi TABIK dalam Pembangunan Komuniti

TABIK telah memberikan manfaat dan menyumbang kepada pembangunan komuniti Suara Buluh Perindu dari aspek fizikal, sosial dan sahsiah (Rajah 1).



Rajah 1: Fungsi TABIK kepada pembangunan komuniti

Pembangunan Fizikal

Dari segi pembangunan pembangunan fizikal, terdapat fungsi TABIK yang utama iaitu menyumbang kepada pengukuhan dan kelangsungan warisan budaya dan alam sekitar dan menjadi tunjang pembangunan komuniti yang lestari. Oleh kerana TABIK sendiri merupakan ruang untuk menjalankan aktiviti termasuk aktiviti mendokumentasi, ruang latihan dan membuat alat muzik (Rajah 2 & Rajah 3) dan kraftangan tradisional, malah menyediakan taman botani yang menyimpan maklumat spesies yang mempuntai nilai dalam kehidupan masyarakat setempat, maka ia sekaligus menjadi satu mercu tanda kepada kesungguhan komuniti dalam memulihara warisan budaya dan alam sekitar. Ini juga membolehkan penglibatan komuniti dirancang secara lebih sistematik dan konsisten. Di samping itu, pemuliharaan warisan budaya muzik bambu secara langsung memulihara sumber alam semulajadi yang menjadi sokongan kepada tradisi ini termasuk busana pemain muzik yang dibuat daripada bahan semulajadi seperti kulit kayu dan biji datipada tumbuhan serta hidupan akuatik (Rajah 4).



Rajah 2: Membuat instrumen muzik berasaskan bamboo di TABIK



Rajah 3: instrumen muzik bambu ciptaan komuniti



Rakah 4: Busana pemain muzik daripada kulit kayu, hiasa daripada siput air tawar dan biji rumput *Dalai*

Pembangunan sosial

TABIK berfungsi sebagai sebuah institusi komuniti yang dikendalikan oleh persatuan berdaftar Suara Buluh Perinu. Ia mencipta peluang pekerjaan kepada dan sumber pendapatan kepada komuniti. Oleh itu TABIK menjadi ruang dalam pemerksaan modal insan melalui penglibatan komuniti yang memegang peranan dalam organisasi tersebut. Selain mencipta peluang pekerjaan, TABIK turut menjadi pembangunan ekonomi dengan mencipta peluang perniagaan kepada komuniti. Antaranya ialah perniagaan instrumen muzik bambu, kraf tangan berasaskan bambu dan pelbagai peluang perniagaan yang lain termasuk menjana pendapatan melalui persembahan yang dilakukan kepada pengunjung.



Rajah 5: Membuat persembahan menyambut pengunjung di TABIK

Pembangunan sahsiah

TABIK membina sahsiah komuniti melalui nilai murni yang diterapkan dalam kalangan ahlinya. Pembinaan sahsiah penting dalam sesebuah pembangunan komuniti bagi memastikan semua ahli komuniti tahu tanggungjawab diri dan menjalankan peranan masing-masing secara beretika demi kepentingan bersama. Ahli komuniti juga didapati telah mengubah pemikiran mereka daripada sikap menunggu arah kepada sikap Pencari peluang melalui pemikiran positif yang diterapkan di TABIK. Misalnya mempelbagaikan kebolehan dan jenis perkhidmatan yang boleh ditawarkan melalui kaedah mengoptimumkan pengetahuan dan kemahiran berasaskan muzik agar dapat bertahan dengan matlamat perjuangan mereka. Antaranya ialah menawarkan perkhidmatan persembahan secara dalam talian sama ada melalui jemputan ataupun aktiviti ‘busking’ secara dalam talian sebagai kaedah menjana pendapatan. Ini turut memperlihatkan peningkatan dari segi kecelikan digital dalam kalangan komuniti dalam beradaptasi dengan normal baharu dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) ini.

TABIK menyediakan ruang untuk komuniti Suara Buluh Perindu bekerja secara berterusan. Oleh itu komuniti ini mempunyai lebih banyak ruang untuk berbincang sesama sendiri dan melihat semula misi dan visi mereka dalam memperjuangkan dan memulihara muzik warisan budaya mereka. Ini adalah satu kaedah yang terbaik dalam melatih sikap berdikari dalam membuat keputusan bagi generasi baharu khususnya mengembangkan idea dan seterusnya merealisasikan idea tersebut. Misalnya konsep asas TABIK yang mempunyai Galeri Mini Perindu dan Taman Botani merupakan idea asal belia komuniti ini yang majoritinya dalam lingkungan umur 20 hingga 30 tahun.

Kewujudan TABIK memberikan motivasi kepada komuniti dalam usaha memperkasakan kemahiran mereka bermain alat muzik bambu, kemahiran komunikasi dan persembahan (Jurry, 2021). Ini kerana TABIK dalam fasa pembangunan seterusnya akan menjadi pusat pelancongan budaya. Oleh itu keupayaan menyediakan perkhidmatan yang lebih serius telah diambil dengan menguasai semua platform persembahan sama ada secara dalam talian mahupun semuka. Dalam persediaan menghadapi permintaan industri pelancongan, komuniti juga merancang membangunkan kapasiti ahlinya melalui galakan pendidikan, iaitu menyarankan ahli komuniti menyambung pengajian dan mengikuti kursus untuk menambah pengetahuan dan kemahiran agar dokumentasi dan perkembangan warisan budaya mereka dapat dilakukan dengan lebih sistematik oleh ahli komuniti sendiri pada masa akan datang. Ini kerana pendidikan adalah elemen terpenting dalam pembangunan intelektual, emosional, fizikal dan spiritual yang diperlukan dalam proses pembangunan (Sharina Abdul Halim, 2014; Siti Sarawati, 2020). Di samping itu komuniti ini juga telah mengambil inisiatif merancang kursus komunikasi dan pemasaran sebagai pelengkap kepada perkhidmatan tersebut.

Perbincangan mengenai usaha komuniti dan fungsi TABIK dalam memperbaiki kehidupan dan kualiti hidup mereka jelas menunjukkan bahawa komuniti Suara Buluh Perindu berada di landasan yang betul menuju matlamat pembangunan mapan (SDG) menjelang tahun 2030 di mana terdapatnya tindakan penglibatan komuniti secara aktif dalam melaksanakan matlamat mereka memulihara warisan budaya dan alam sekitar dengan cara mengoptimumkan sumber yang dipulihara tersebut sebagai elemen yang boleh dijadikan sumber yang boleh memajukan diri dan komuniti secara keseluruhan tanpa mengabaikan mana-mana pihak berkepentingan pada masa kini dan masa hadapan.

Kesimpulan

Pembangunan komuniti jelas memberikan perubahan positif kepada semua pihak yang terlibat dalam proses pembangunan tersebut khususnya dari segi memperbaiki kehidupan dan kualiti hidup. Pencapaian Komuniti Suara Buluh Perindu Kundasang membangunkan komuniti melalui TABIK adalah senario yang boleh diangkat sebagai pendekatan efektif dan diadaptasi oleh komuniti yang mempunyai kriteria lokasi dan latar budaya yang sama. Perkara utama yang dapat dipelajari daripada kajian kes ini ialah bahawa pembangunan komuniti boleh berlaku di mana sahaja asalkan komuniti sanggup terlibat dalam proses pembangunan dan bersedia untuk melakukan perubahan ke arah kebaikan demi mencapai kualiti kehidupan yang lebih baik.

Rujukan

- Abdul Ghafar Don, Baslisham Mohd Nasir, Ahmad Faqih Ibrahim & Khairul Azhar Meerangani. (2019). Peranan akademi dalam Pembangunan Komuniti Asli. *Jurnal Ilmu*. Jld. 9. 73-80.
- Ahmad Shukri Abdul Hamud (2015). Konseptualisasi Pembangunan Komuniti melalui Analisis Konsep Struktur Sosial, Teori Modal Sosial dan Perspektif Realisme Kritikal. *Jurnal Pembangunan Sosial* Jilid 18. 21–40
- Fischer, J.A. (1989). *The Volunteer Organization Handbook*. Virginia. Blacksburg.
- Haris Abd. Wahab & Siti Hajar Abu Bakar Ah (2007). Perkembangan Pendekatan Pembangunan Komuniti Luar Bandar di Malaysia. *Jurnal Sejarah*. 15 (15).
- Jurry Foo (2021). Resiliense Komuniti TABIK Menghadapi COVID19. 16 Ogos. Kota Kinabalu. *Borneo Daily Bulletin*. <https://www.borneodailybulletin.com/resilience-tabik-menghadapi-pandemik-covid19/> (10/9/2021)
- Jurry Foo, Intan Solihah Ibrahim, Zuraidah Jamrin & Kee Y Sabariah Kee Yusof (2021). TABIK Kerjasama UMS Dan Komuniti Dalam Pemuliharaan Budaya Dan Alam Sekitar Untuk Pembangunan Komuniti. 24 Julai. Kota Kinabalu. *Borneo Daily Bulletin*. <https://www.borneodailybulletin.com/17659-2/>. (10/9/21).
- Kalsom Kayat & Nor Ashikin Mohd. Nor (2006). Penglibatan Ahli Komuniti Dalam Program Pembangunan Komuniti : Satu Kajian ke Atas Program Homestay di Kedah. *Akademika* 67. 77-102.
- Marthelreda Choo, Gaim Lunkapis & Ann Anton. (2017). Penglibatan Komuniti Dalam Melestarikan Sungai Melalui Program Penambahbaikan Stock Udang Galah: Kajian Kes Di Sungai Petagas, Sabah. *Journal of Borneo Kalimantan Vol 3 (2)*. Kuching: Universiti Malaysia Sarawak.
- Mohammad Shatar Sabran (2003). *Model Pembanguna Komuniti*. Pertanika. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Yusof Hj. Abdullah, Noor Rahamah Abu Bakar, Junaenah Sulehan, Abdul Haie Awang & Ong Puay Liu. (2011). Komunikasi dan Pembangunan Komuniti Peringkat Desa: Berkongsi Pengalaman antara Indonesia dan Malaysia. *Jurnal Melayu*. 227-237.
- Mohd Yuszaidi Mohd Yusoff & Muammar Ghaddafi Hanafiah. 2015. Akta Warisan Kebangsaan 2005 (AKTA 645): Penilaian Dari Aspek Perundangan Dan Penguatkuasa. *Jurnal Melayu*. Bil. 14(2) 2015. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 202-233.
- Paul Porodong (2000). Pembangunan luar bandadi Sabah: Pengalaman koperasi Pembangunan Desa (KPD) di daerah Kudat. *Jurnal Kinabalu*. VI. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah. 118-135.

- Siti Sarawati Johar. (2020) Evolusi dan transformasi Pendidikan Masyarakat Orang Asli di Kg. Sg. Layau, Kota Tinggi Johor. Dlm Kearifan Lokal Orang Asli Mendepani Rencah Abad ke-21. Batu Pahat: UTHM. 155-168.
- Sharina Abdul Halim (2014) Penyertaan Komuniti Setempat Dalam Konteks Pembangunan Pelancongan Ke Arah Pengurusan Secara Bersama. Dlm. Pemvangan Lestari di Malaysi. Harapan dan Kenyataan. 278-304
- Yahya Ibrahim (2008). Pembangunan Pelancongan dan Perubahan Komuniti. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah & Ab Samad Kechot. 2011. Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjauan Sepintas Lalu. *National Heritage Act, 2005: A Review*. Jurnal Melayu (8) 2011: 173 – 188.
<http://journalarticle.ukm.my/3481/1/bil%25208%2520-%2520topik%25209.pdf>.
(4/10/2018).